

**TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN**  
**3 SEPTEMBER 2013 ( SELASA ), JAM 2:30 PETANG**  
**AUDITORIUM MPSP**

---

**Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Tempatan  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan,  
Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar

**Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Dihormati Ahli Majlis, En Michael Tan Cheong Heng**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Dihormati En Michel Van Crombrugge**

Pengurus Besar, Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd

**Yang Dihormati En Murthi Murgaya**

Pengurus Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

**Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh**

**Salam Sejahtera dan Selamat Petang**

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada petang ini untuk Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Komuniti Mampan. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.B. Tuan Phee Boon Poh, Pengurus Besar Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd dan semua yang hadir pada petang ini.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2012/2013 merupakan salah satu daripada projek di bawah Program Local Action 21 Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama dan tajaan daripada Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd kerana sudi memberi sumbangan wang tunai sebanyak RM11,500.00 sebagai hadiah kepada 8 pertubuhan yang telah berjaya melaksanakan komuniti mampan. Saya berharap kerjasama dan penajaan ini akan berterusan dan dijadikan acara tahunan untuk tahun hadapan dan seterusnya.

Tujuan Anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif dan penambahbaikan yang dijalankan oleh komuniti dalam menambahbaik kualiti alam sekitar dan kemampunan komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 Seberang Perai. Prinsip LA 21 digalakkan bagi melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. Dalam anugerah ini, aktiviti-aktiviti inisiatif komuniti mampan yang boleh dijadikan rujukan peserta adalah seperti:

- Kitar semula
- Kompos
- Eco Enzim
- Jus Enzim
- Penanaman pokok, pengindahan dan pembersihan kawasan

- Dusun bandar
- Sesi pendidikan berkenaan dengan isu pembangunan mampan
- Kesedaran ke atas rancangan kemajuan, impak alam sekitar, social dan ekonomi
- Kesedaran dan penyertaan dalam program MPSP dan agensi lain
- Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, bukit, sungai dan tasik
- Skim menganak-angkat kemudahan awam
- Skim pengawasan kejiranan dan kawalan keselamatan
- Sambutan Perayaan Hari Kebesaran
- Cintai kemudahan awam
- Gotong-royong
- Penyediaan kemudahan bagi kumpulan OKU dan warga kanan

Ini hanya contoh untuk menambahbaik kualiti alam sekitar dan kemampuan komuniti. Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan mempunyai inisiatif yang lebih baik dan berbeza adalah digalakkan untuk diperaktikan di kawasan perumahan masing-masing.

Program Anugerah ini adalah terbuka kepada semua Persatuan Penduduk yang berdaftar, Rukun Tetangga (RT), Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Joint Management Body

(JMB) dan Management Corporation (MC) di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Bagi aspek pemarkahan pula, profil kejiranan, profil komuniti, profil organisasi, inisiatif komuniti ke arah kemampanan dan kemajuan diambil kira. Selain itu, aspek inisiatif bagi integrasi sosial, kejiranan hijau, kejiranan selamat, tadbir urus dan keusahawan diambil kira dalam penilaian.

Pemenang akan memperolehi ganjaran berbentuk wang tunai dan sijil kepujian.

Tempat Pertama : RM 3,000.00 dan Sijil Kepujian

Tempat Kedua : RM 2,000.00 dan Sijil Kepujian

Tempat ketiga : RM 1,500.00 dan Sijil Kepujian

5 Hadiah Saguhati : RM 1,000.00 dan Sijil Kepujian

Hadiyah-hadiyah ini merupakan tajaan oleh Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd. Terima kasih Flextronics.

Terdapat satu anugerah khas iaitu Anugerah Khas Inovasi dengan hadiah bernilai RM500.00.

Komuniti yang mengambil bahagian adalah:

1. Rukun Tetangga Taman Keenways
2. Persatuan Pemilik Dan Penghuni Rumah Taman Tambun Indah, Seberang Perai Selatan
3. Persatuan Amal Masyarakat Cina Taman Putri Gunung
4. Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Desa Damai
5. Pusat Sumber Alam Sekitar Seberang Perai Utara
6. Megamal Pinang JMB
7. Pusat Sumber Alam Sekitar Kariah Masjid Permatang Nibong
8. KRT Taman Gemilang/Semarak

Tahniah juga diucapkan kepada pertubuhan-pertubuhan yang telah melaksanakan pengumpulan barang kitar semula tanpa henti-henti. Sasaran MPSP untuk kitar semula pada tahun ini adalah 31%. Usaha ini telah membantu MPSP mencapai kadar kitar semula melebihi 32% pada tahun ini.

### **KITAR SEMULA BAGI TAHUN 2013**

Bil	Bulan	Beratan Kitar Semula (Tan)	Beratan Sampah(Tan)	Jumlah Beratan (Tan)	Peratus Kitar Semula(%)
1	Januari	15,980.62	31,182.29,	47,162.91	33.88
2	Februari	16,853.78	30,858.90	47,712.68	35.32
3	Mac	15,948.86	36,202.99	52,151.85	30.58
4	April	17,461.89	40,098.85	57,560.74	30.34

5	Mei	19,341.56	38,827.73	58,169.29	33.25
6	Jun	18,222.24	35,290.85	53,513.09	34.05
7	Julai	15,064.6	40,045.72	55,110.32	27.34
8	Ogos	15,015.17	35,554.97	50,570.14	29.69
	<b>JUMLAH</b>	<b>133,888.72</b>	<b>288,062.30</b>	<b>421,951.02</b>	<b>31.73</b>

Kadar Penjimatan Kos Pelupusan adalah RM2,704,552.00 (RM20.20\*133,888.72).

Walaupun kita telah mencapai kadar kitar semula yang agak tinggi, namun kita juga menghasilkan sisa yang tinggi terutama sekali barang yang penggunaannya hanya sekali dan terus dibuang. Amalan 4R iaitu Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle haruslah diterapkan di dalam kehidupan seharian bagi mencapai komuniti mampan dan low carbon city.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pembuatan kompos dari sisa-sisa organik amat penting bagi mencapai sisa sifar. Dengan pengurangan sisa organik ke tapak pelupusan sampah, ia dapat mengurangkan penjanaan methane. Di kawasan Seberang Perai sahaja, terdapat 8 komuniti telah melaksanakan

pengumpulan sisa organik bagi pembuatan kompos. Selain itu, hotel, kilang dan sekolah juga turut serta di dalam program sisa sifar ini.

Semenjak MPSP memperkenalkan DIY jus enzim pada tahun 2008, banyak pihak, termasuklah individu dan isirumah telah menggunakan kulit buah-buahan untuk menghasilkan jus enzim untuk kegunaan harian selain untuk tujuan melindungi alam sekitar. Sambutan yang diterima amat memberansangkan seperti juga program pembuatan bebola tanah (mud ball) bagi tujuan merawat air sungai.

Untuk makluman Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Selain daripada menaja dan menganjur bersama Anugerah Komuniti Mampan, Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd juga telah terlibat dalam program menganak-angkat Sungai Junjung Mati bagi tujuan untuk meningkatkan kualiti air sungai berkenaan. Hasil dari usaha Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd ini, terdapat banyak ikan yang telah membiak di dalam sungai tersebut. Sungai Junjung Mati telah hidup semula. Tahniah diucapkan kepada Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd di atas usaha yang ditonjolkan. Saya berharap industry di sepanjang sungai ini akan turut serta mengambil anak angkat bahagian/ruang di depan industri masing-masing.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, ucapan ribuan terima kasih kepada Pengurus Besar, Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd kerana menaja hadiah-hadiah dan kerana bekerjasama dengan MPSP dalam Anugerah Komuniti Mampan ini. MPSP sangat berbesar hati dan berharap Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd dapat terus menaja anugerah seperti ini di masa dan tahun-tahun yang akan datang.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Terima kasih.